bab lima

perbankan islam dan takaful

Latar belakang

Industri perbankan Islam dan takaful telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan semenjak penubuhan bank Islam yang pertama pada tahun 1983 dan syarikat insurans Islam (takaful) yang pertama pada tahun 1984.

Pada akhir tahun 2000, sektor kewangan Islam merangkumi dua bank Islam, 47 institusi perbankan konvensional (17 bank perdagangan domestik, empat bank asing, 14 syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun) yang menyertai Skim Perbankan Islam (SPI), pasaran wang secara Islam, dua syarikat takaful dan pelbagai produk kewangan. Berikutan proses penggabungan institusi-institusi perbankan domestik, bilangan institusi perbankan konvensional yang menyertai SPI akan menurun kepada 33 buah, terdiri daripada sembilan bank perdagangan domestik, empat bank asing, lapan syarikat kewangan, lima bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun.

Kepentingan perbankan Islam telah meningkat secara progresif dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 49% dari segi aset daripada tahun 1995 hingga 1999. Pada tahun 2000, sektor perbankan Islam terus mencatatkan pertumbuhan aset yang kukuh sebanyak 30% kepada RM47.1 bilion manakala deposit dan pembiayaan masing-masing meningkat kepada RM35.9 bilion dan RM20.9 bilion. Dari segi prestasi secara relatif berbanding dengan sistem perbankan, pada akhir tahun 2000, peratusan aset perbankan Islam telah meningkat kepada 6.9%, manakala deposit dan pembiayaan masing-masing meningkat kepada 7.4% dan 5.3%. Rangkaian perkhidmatan juga telah berkembang dengan pesat yang mana terdapat lebih daripada 2,200 cawangan bank-bank Islam dan bank-bank SPI yang menawarkan perkhidmatan dan produk perbankan Islam. Perbankan Islam juga telah memberi kesan limpahan kepada pengantara kewangan bukan bank yang lain seperti institusi kewangan pembangunan, institusi simpanan dan institusi kredit perumahan yang turut memperkenalkan skim dan instrumen kewangan Islam bagi memenuhi permintaan pelanggan. Di samping itu, pertumbuhan pesat pasaran sekuriti hutang dan ekuiti secara Islam turut merancakkan aktiviti pasaran modal. Bagi melengkapi usaha-usaha ini, Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan juga telah memulakan usaha yang serius untuk menubuhkan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa bagi merangsang penggemblengan mudah tunai dan instrumen kewangan di samping meningkatkan peluang pelaburan supaya dana-dana Islam digerakkan dengan lebih berkesan.

Bagi aktiviti takaful, aset dana takaful bagi takaful am dan keluarga telah mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 68% daripada tahun 1986 hingga 2000. Dalam tempoh yang sama, jumlah sumbangan takaful mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 47%. Bagi perniagaan takaful keluarga, jumlah penyertaan berkuatkuasa meningkat daripada RM16.7 juta pada tahun 1986 kepada RM25.6 bilion pada tahun 2000.

Meskipun prestasi industri perbankan Islam dan takaful adalah menggalakkan, sumbangannya masih kecil jika dibandingkan dengan perbankan dan insurans konvensional. Tahap penembusan pasaran perbankan Islam sebanyak 6.9% dari segi aset mencerminkan potensi besar yang masih belum diterokai. Bagi perniagaan takaful, tahap penembusan pasaran dari segi sijil takaful berbanding jumlah penduduk hanya dalam lingkungan 2% berbanding penembusan pasaran perniagaan insurans konvensional sebanyak 28.4%. Bersandarkan hakikat ini, adalah wajar strategi-strategi khusus bagi memperkembangkan lagi perbankan Islam dan takaful dirangka dengan rapi. Strategi-strategi ini dijangka akan turut menyumbang kepada pengukuhan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam di rantau ini.

Keupayaan industri perbankan Islam dan takaful untuk menguasai juzuk pasaran yang lebih bermakna dalam suasana kewangan yang mencabar bergantung kepada kedudukan strategik peserta-peserta industri domestik untuk mengekalkan kelebihan daya saing serta menjadi peneraju pasaran. Industri perbankan Islam dan takaful dijangka akan menghadapi cabaran-cabaran berikut:

- Persaingan sengit ekoran globalisasi dan liberalisasi kewangan. Kemunculan peserta-peserta konvensional global dalam perniagaan perbankan Islam adalah jelas terutamanya dalam bidang penstrukturan urus janji pelaburan dan pembiayaan berlandaskan Syariah;
- Peningkatan peranan teknologi dalam membentuk struktur mikro perniagaan dan pasaran kewangan, yang menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan persaingan; dan
- Generasi baru pelanggan yang semakin berilmu dan berpengetahuan kini menuntut pelbagai produk yang canggih.

Berlatarbelakangkan cabaran di atas dan bagi membolehkan institusi perbankan Islam (terdiri daripada bank-bank Islam dan bank-bank SPI) dan pengendali takaful (PT) dapat menjadi peneraju

dalam industri ini, bersaing secara efektif dan pada masa yang sama mengekalkan pengkhususan mereka, usaha-usaha berikut perlu diperhebatkan:

- Memperkukuhkan dan membina keupayaan dan keutuhan institusi dan operasi mereka agar dapat beroperasi dengan berjaya dalam suasana persaingan global yang sengit;
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agar setaraf dengan peserta antarabangsa yang tersohor; dan
- Mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan dalam inovasi produk kewangan Islam. Sehubungan ini, institusi perbankan Islam (IPI) dan PT perlu menimbang kemungkinan membentuk pakatan strategik untuk menimba kepakaran penyelidikan dan pembangunan yang diterokai di luar industri perbankan dan insurans bagi meningkatkan kepelbagaian rangkaian produk kewangan Islam yang dapat memenuhi keperluan pelanggan.

Visi dan Objektif

Objektif keseluruhan perbankan Islam dan takaful adalah untuk membentuk satu sistem kewangan Islam yang efisien, progresif dan lengkap yang dapat memberi sumbangan bermakna kepada kecekapan dan keberkesanan sektor kewangan Malaysia di samping memenuhi keperluan ekonomi negara. Strategi-strategi khusus telah dirangka untuk membina keupayaan IPI dan PT agar dapat bersaing secara efektif dan meningkatkan juzuk pasaran mereka dalam sistem kewangan. Di samping itu, asas prasarana kewangan harus diperkukuhkan bagi menyokong perkembangan operasi perbankan Islam dan takaful yang dirancangkan.

Landskap industri perbankan Islam dan takaful pada tahun 2010 dijangka akan terbentuk seiring dengan perbankan dan insurans konvensional dengan ciri-ciri berikut:

- Merangkumi 20% daripada juzuk pasaran perbankan dan insurans dan memberi sumbangan yang berkesan kepada sektor kewangan ekonomi negara;
- Diwakili oleh sebilangan IPI dan PT yang kukuh dengan modal yang besar serta menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lengkap dan komprehensif;
- Berlandaskan rangka kerja Syariah dan pengawalseliaan yang sesuai dan komprehensif;
- Disokong oleh sebuah institusi khusus (mahkamah perdagangan Syariah) dalam sistem kehakiman untuk menyelesaikan isu-isu perundangan berhubung dengan perbankan Islam dan takaful;
- Disokong oleh segolongan individu dan pihak pengurusan yang terlatih, berkaliber serta mempunyai kemahiran yang diperlukan; dan
- Memaparkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau.

Saranan

Saranan-saranan yang dikemukakan bertujuan untuk membina asas-asas yang diperlukan dari segi pembinaan keupayaan, pembangunan prasarana dan rangka kerja pengawalseliaan bagi mencapai visi dan objektif yang dihuraikan di atas. Kerjasama IPI dan PT diperlukan bagi membantu usaha BNM untuk membangunkan industri perbankan Islam dan takaful yang efisien, progresif dan komprehensif. Saranan-saranan yang dirangka akan memberi tumpuan kepada tiga sasaran utama:

- **Peningkatan kapasiti keinstitusian**
  Langkah-langkah strategik akan diambil untuk menyediakan peserta-peserta industri perbankan Islam dan takaful agar berada di kalangan institusi yang terbaik dari segi pengurusan dan mampu meraih peluang daripada ciri-ciri unik perbankan Islam dan takaful bagi mencapai kelebihan daya saing. Saranan-saranan akan melibatkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir dalam bidang perbankan Islam dan takaful. Selain daripada itu, tumpuan akan diberikan terhadap pengukuhan iltizam pihak pengurusan dan pelaksanaan tanda aras secara berterusan bagi meningkatkan tahap prestasi.

- **Pembangunan prasarana kewangan**
  Langkah-langkah khusus akan diambil untuk memupuk budaya berdaya saing yang sihat di kalangan peserta-peserta perbankan Islam dan takaful serta mewujudkan kedalaman pasaran yang mencukupi bagi membina kelebihan daya saing dalam suasana kewangan yang dinamik. Di antara usaha-usaha ke arah ini melibatkan pemberian lesen perbankan Islam dan takaful yang baru serta menggalakkan penjuruteraan kewangan Islam dalam pembangunan produk dan pengurusan risiko. Kemunculan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa di Labuan dijangka akan membantu mempergiatkan pembangunan pasaran kewangan Islam domestik melalui pemberian akses kepada pasaran, peserta dan kepakaran antarabangsa.

- **Pembangunan rangka kerja pengawalseliaan**
  Usaha bersepadu akan disalurkan untuk mewujudkan landasan yang berasingan dan berdaya maju agar perbankan Islam dan takaful dapat berfungsi seiring dengan perbankan dan insurans konvensional secara efektif. Rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah akan diperkukuhkan melalui pengkajian semula undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada. Kod etika akan memainkan peranan utama dalam mendisiplinkan industri manakala penekanan terhadap campur tangan bank pusat akan dikurangkan.

I. Peningkatan Kapasiti Keinstitusian

Saranan 5.1:

Memperkenalkan program tanda aras

Pelaksanaan program tanda aras adalah penting bagi IPI mencapai taraf yang setanding dengan amalan antara-bangsa yang terbaik. Justeru itu, satu program tanda aras akan diperkenalkan bagi memudahkan IPI menilai tahap kecekapan mereka, mengenal pasti jurang prestasi serta menyusun strategi untuk memperbaiki prestasi agar membuahkan hasil yang terbaik.

Saranan 5.2:

Menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran

Bagi menambahkan warga perbankan Islam dan PT yang berilmu dan cekap, usaha akan disalurkan untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia sejajar dengan pertumbuhan industri yang dirancangkan melalui:

- Penubuhan sebuah institusi latihan khusus milik industri untuk melatih dan menyediakan warga kerja perbankan Islam dan PT bagi memenuhi keperluan industri; dan
- Mewajibkan IPI dan PT memperuntukkan belanjawan yang munasabah untuk pembangunan kemahiran bagi menambahkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perbankan Islam dan takaful.

Langkah-langkah sampingan akan diambil untuk mewujud dan mempertingkatkan kesedaran awam mengenai konsep dan manfaat perbankan Islam dan takaful serta pendidikan pelanggan berhubung dengan tanggapan yang salah. Ini akan dicapai melalui:

- Menggalakkan IPI dan PT mengadakan program promosi perbankan Islam dan takaful secara berterusan. IPI dan PT digalakkan untuk membentuk pakatan strategik dengan institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan tentang perbankan Islam dan takaful; dan
- Meningkatkan kandungan pengajaran perbankan Islam dan takaful di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Saranan 5.3:

Membina kumpulan pengurusan yang teguh

Bagi membina kumpulan pengurusan yang inovatif dan berwibawa serta komited kepada perbankan Islam dan takaful, usaha menarik kakitangan yang berpengalaman dan berkelayakan, termasuk ekspatriat akan digalakkan bagi melicinkan pemindahan dan perkongsian ilmu dan kemahiran. Pengambilan ekspatriat dapat melengkapi usaha-usaha yang dibuat untuk membina kemahiran peserta-peserta industri tempatan.

Saranan 5.4:

Memberi insentif untuk penstrukturan sekuriti hutang swasta secara Islam

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk melahirkan peserta domestik utama selaku penggerak pasaran modal Islam, IPI akan diberi insentif untuk menstruktur sekuriti hutang swasta secara Islam.

II. Pembangunan Prasarana Kewangan

Saranan 5.5:

Menambah bilangan bank Islam bagi menjana persaingan

Dalam usaha untuk menggemblengkan elemen persaingan sebagai sumber peneraju pertumbuhan, bilangan bank Islam akan ditambah dalam jangka masa pertengahan. Sebagai langkah awal, usaha akan dijalankan untuk membangunkan peserta-peserta yang berpotensi menerusi kajian semula struktur Bahagian Perbankan Islam (BPI) dan menggubal dasar baru untuk memperkukuhkan model-model BPI ini. Ini akan

dijadikan asas bagi mengenal pasti peserta-peserta berpotensi yang telah mencapai saiz kritikal dengan prasarana yang lengkap serta bersedia untuk beroperasi sebagai sebuah bank Islam sepenuhnya.

Untuk menggalakkan persaingan yang lebih hebat dan mempercepatkan integrasi di peringkat antarabangsa, pemberian lesen perbankan Islam kepada peserta perbankan Islam luar negara yang layak serta terkenal di arena perbankan Islam antarabangsa akan diberi pertimbangan.

Saranan 5.6:

Menambah bilangan pengendali takaful

Lesen takaful baru akan diberi untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- Mempercepatkan perkembangan perniagaan takaful selaras dengan perbankan Islam yang secara relatifnya lebih maju;
- Menyemarakkan persaingan pasaran dalam penentuan harga, inovasi produk, perkhidmatan pelanggan dan kecekapan operasi;
- Menambah program takaful semula di kalangan PT berdasarkan prinsip-prinsip Syariah;
- Mengenengahkan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. sebagai pengendali takaful semula yang utama di rantau ini; dan
- Menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi kepakaran takaful.

Saranan 5.7:

Memperdalamkan pasaran kewangan Islam

Dalam usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, struktur pasaran yang dalam akan dibangunkan bagi memenuhi keperluan pelanggan yang canggih di samping memelihara kestabilan dan integriti sistem kewangan secara keseluruhan. Dalam hal ini, langkah-langkah yang akan dilaksanakan adalah untuk:

- Memperhebatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Inisiatif ini akan dijalankan secara berasingan oleh IPI dan juga secara kolektif melalui institusi penyelidikan dan latihan milik industri;
- Merangka pendekatan komprehensif bagi pengurusan risiko dan mekanisme yang sesuai untuk mengurangkan risiko. Ini adalah kerana kontrak urus niaga kewangan Islam di antara IPI dan pelanggan mereka berbeza di antara satu dengan yang lain dan yang demikian mewujudkan ciri-ciri risiko yang berlainan. Di samping itu, adalah penting bagi jawatankuasa aset dan liabiliti setiap IPI menumpukan perhatian terhadap pembinaan portfolio kewangan yang kukuh bagi mengekalkan kelebihan daya saing IPI dalam suasana dwi-perbankan; dan
- Menggalakkan penggunaan pembiayaan mudharabah dan musyarakah melalui penubuhan dana khas atau anak syarikat bagi mengendalikan pembiayaan-pembiayaan sebegini. IPI perlu menjalankan kajian bagi mengenal pasti bidang-bidang berpotensi yang paling sesuai untuk pembiayaan jenis ini.

III. Pembangunan Rangka Kerja Pengawalseliaan

Saranan 5.8:

Memperkukuhkan rangka kerja pengawalseliaan perbankan Islam

Dorongan bagi menjana pertumbuhan masa hadapan perlu bermula dari landasan pengawalseliaan yang berasingan supaya industri perbankan Islam dapat berdiri sendiri sejajar dengan prinsip-prinsip perbankannya yang tersendiri. Justeru itu, penekanan akan diberikan terhadap:

- Memperkukuhkan Akta Bank Islam 1983 (ABI) dengan mengambil kira ciri-ciri unggul perbankan Islam tanpa menjejaskan aspek pengawalseliaan dan kehematan. ABI yang dikaji semula akan mewujudkan suasana yang kondusif bagi bank-bank Islam untuk beralih kepada pendekatan dan rangka kerja pasaran yang terselia;
- Mengemaskinikan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dengan mengambil kira ciri-ciri perbankan Islam yang unik. Bank-bank SPI akan terus dikawalselia bagi memastikan profil pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi perbankan Islam institusi perbankan berkenaan diberi perhatian dan dipantau dengan sewajarnya;
- Membina rangka kerja pengawalseliaan yang berasingan bagi perbankan Islam dengan memperkenalkan keperluan kecukupan modal, rizab berkanun dan keperluan mudah tunai yang berasingan untuk bank-bank Islam dan bank-bank SPI; dan
- Menyelaraskan pendapat-pendapat Syariah mengenai perbankan dan kewangan Islam untuk mempertingkatkan kecekapan dan menggalakkan perkembangan pasaran.

Saranan 5.9:

Memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan bagi takaful

Rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh akan diwujudkan bagi menyokong perkembangan industri takaful yang sihat. Di antara perkara-perkara utama yang akan ditekankan adalah seperti berikut:

- Mengkaji semula Akta Takaful 1984 dan perundangan berkaitan bagi memperbaiki kekurangan sedia ada;
- Meningkatkan modal berbayar minimum berkanun PT secara progresif selaras dengan peningkatan keupayaan mereka untuk berkembang dan menanggung risiko yang lebih tinggi. Peningkatan modal asas bagi PT akan memperbaiki keupayaan mereka untuk bersaing dengan lebih berkesan dalam pasaran domestik dan seterusnya di peringkat antarabangsa;
- Memperkenalkan piawaian perakaunan bagi perniagaan takaful dan penggubalan rang Akaun Model bagi PT; dan
- Memantau dan memperbaiki kod etika dan amalan pasaran yang seragam bagi PT.

Saranan 5.10:

Mewujudkan struktur perundangan yang efektif

Salah satu prasyarat bagi mengekalkan pertumbuhan perbankan Islam dan takaful secara berterusan ialah prasarana perundangan yang komprehensif yang mampu mengendalikan sebarang permasalahan perundangan yang mungkin timbul dari urus niaga kewangan Islam. Sekumpulan peguam dan hakim yang cekap, yang

dilengkapi dengan ilmu dan kepakaran dalam kedua-dua bidang perundangan Syariah dan sivil, diperlukan bagi mengendalikan hal-hal perundangan yang bersangkutan dengan kontrak kewangan Islam, terutamanya untuk menanam keyakinan di kalangan pengamal industri dan pelanggan. Justeru itu, langkah-langkah akan diambil untuk:

- Membentuk satu jawatankuasa bagi menubuhkan mahkamah perdagangan Syariah khusus untuk mengendalikan hal-hal perundangan berhubung dengan perbankan Islam dan takaful. Dalam jangka masa interim, tribunal perbankan Islam akan ditubuhkan untuk dijadikan asas kepada penubuhan mahkamah yang dicadangkan; dan
- Merangka program kesedaran dan latihan khusus bagi para hakim dan peguam dalam bidang perbankan Islam dan takaful dan usaha ini akan dikendalikan oleh institusi penyelidikan dan latihan milik industri dengan kerjasama badan kehakiman dan Majlis Peguam.

Saranan 5.11:

Mewujudkan rejim percukaian yang menarik

Penggubalan dan pindaan dasar cukai perlu mengambil kira kesan ke atas perbankan Islam dan takaful supaya ia tidak menjadi penghalang kepada penerimaan konsep perbankan Islam dan produk takaful.

Pendekatan Pelaksanaan

Pelaksanaan pelan induk perbankan Islam dan takaful akan dibahagikan kepada tiga fasa:

FASA I

Memperkukuhkan prasarana operasi dan keinstitusian

Dalam fasa ini, fokus pelaksanaan akan ditumpukan untuk mempersiapkan satu landasan yang kukuh dan berdaya maju supaya perbankan Islam dan takaful dapat berkembang dengan sihat. Ini melibatkan pengukuhan struktur operasi sedia ada IPI, penubuhan institusi penyelidikan dan latihan milik industri, pembinaan rangka kerja Syariah dan pengawalseliaan yang efektif, penyediaan rangka kerja awal perundangan di samping memperdalamkan pasaran sedia ada. Usaha meningkatkan keupayaan IPI dan PT juga akan bermula dalam fasa ini untuk mempersiapkan mereka bagi menghadapi persaingan yang lebih sengit dalam Fasa II. Di samping itu, fasa pertama ini akan melibatkan pengenalpastian bank-bank SPI (domestik) dan syarikat insurans yang disifatkan layak untuk diberi lesen perbankan Islam dan lesen takaful dalam fasa kedua.

FASA II

Merangsang persaingan dan mempertingkatkan prasarana

Dalam fasa kedua, lesen-lesen baru akan diberi kepada peserta-peserta industri domestik yang layak bagi merangsang persaingan. Fokus dalam fasa kedua akan diberikan kepada peningkatan prestasi serta mempertingkatkan prasarana industri perbankan Islam dan takaful.

FASA III

Meningkatkan tahap prestasi melalui liberalisasi secara progresif dan memastikan prasarana yang efektif

Fasa III akan melibatkan pemberian lesen perbankan Islam kepada peserta perbankan Islam luar negara yang layak. Ini akan mendorong IPI domestik untuk memperbaiki prestasi yang akan membawa kepada peningkatan kecekapan dan inovasi kewangan dalam industri. Di samping itu, langkah-langkah akan diambil untuk memastikan pembangunan prasarana yang komprehensif dan efektif bagi menyokong operasi kewangan IPI dan PT dalam persekitaran kewangan yang semakin liberal.